

Usul kecam Israel dilulus

UM- 21/3/2007

KUALA LUMPUR 20 Mac - Dewan Rakyat hari ini meluluskan usul tergempar menentang tindakan jahat dan biadab rejim Zionis Israel yang meneruskan kegiatan menggali di sekitar Masjid Al-Aqsa walaupun mendapat bantahan umat Islam seluruh dunia.

Usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen Gombak, Datuk Dr. Rahman Ismail itu mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua Ahli Parlimen sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Sebanyak lapan Ahli Parlimen termasuk wakil pembangkang membahaskan usul tersebut sebelum ia digulung oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurut Syed Hamid, usul yang dikemukakan itu adalah sejajar dengan pendirian kerajaan yang sebelum ini mengutuk tindakan Israel yang disifatkan sebagai usaha terancang untuk mengancam Masjid Al-Aqsa.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri telah mengutus surat kepada ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Presiden Kesatuan Eropah, Pre-

Perdana Menteri juga telah menggesa Majlis Keselamatan PBB segera mengambil tindakan bagi meredakan kemarahan umat Islam berikutan tindakan yang dilakukan oleh rejim Israel

siden Palestin, Setiausaha Agung PBB serta Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi menyatakan kebimbangan beliau di atas kerja-kerja itu kerana ia jelas tidak mengendahkan sensitiviti umat Islam seluruh dunia.

"Perdana Menteri juga telah menggesa Majlis Keselamatan PBB segera mengambil tindakan bagi meredakan kemarahan umat Islam berikutan tindakan yang dilakukan oleh rejim berkenaan," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Syed Hamid, di peringkat OIC pula, Malaysia dalam mesyuarat jawatankuasa eksekutif OIC pada 22 Februari lalu di Jeddah, Arab Saudi, menegaskan bahawa tindakan Israel itu adalah bersifat provokatif dan secara terbuka membuat ancaman terhadap tindakan rejim tersebut.

"Saya menyatakan bahawa tindakan berkenaan jelas melanggar undang-undang antarabangsa dan memudaratkan asas Masjid Al-Aqsa dan kita turut menegaskan bahawa OIC perlu bersepakat dalam menangani konflik itu dalam bentuk tindakan.

"Kepada negara OIC yang mempunyai hubungan diplomatik saya minta mereka putuskan hubungan itu dan begitu juga negara OIC yang mempunyai hubungan perdagangan dengan rejim berkenaan," katanya.

Terdahulu, Rahman menyatakan apa yang dilakukan oleh Israel itu sengaja mencetuskan kemarahan umat Islam seluruh dunia dan sekiranya ia tidak dihentikan, satu konflik besar mungkin boleh berlaku.

Katanya, PBB jelas gagal menyekat tin-

**SYED
HAMID
ALBAR**
Menteri
Luar

dakan yang dilakukan oleh Israel dan sebagai wakil rakyat Malaysia, Parlimen perlu menyatakan pendirian menentang tindakan tidak bertanggungjawab rejim tersebut.

"Kita perlu memberi mesej kepada pihak antarabangsa bahawa Parlimen Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang dilakukan oleh Israel kerana sengaja mencemar masjid ketiga suci bagi umat Islam itu," ujarnya.

Kenyataan itu turut disokong oleh Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamed Aziz yang menyatakan tindakan Israel itu jelas mengguris perasaan dan hati umat Islam.

"Sebagai umat Islam, saya benar-benar tersinggung dengan apa yang dilakukan oleh Israel. Inilah Israel, mereka sengaja membuat sesuatu yang membangkitkan kemarahan umat Islam," ujarnya.

Dalam perkembangan yang sama, wakil pembangkang, Ahli Parlimen Kubang Kerian, Salahuddin Ayub mahu usul itu disokong kerana tindakan rejim itu jelas tidak menghormati hak asasi masyarakat Palestin serta sensitiviti umat Islam.